| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Headline | **Bincang isu serantau di Jakarta** | | | |
| Date | **17. Apr 2008** | Language | **MALAY** | |
| Media Title | **Harian Metro** | Page No | **20** | |
| Section | **Setempat** | Article Size | **50** | cm2 |
| Circulation | **336603** | Frequency | **Daily** | |
| Readership | **2192000** | Color | **Full Color** | |



# Bincang isu serantau di Jakarta

KUALA LUMPUR: Empat pelajar universiti Malaysia terpilih menyertai Inisiatif Pemimpin Muda Hitachi (HYLI) ke-9 selama lima hari di Jakarta, Indonesia, bermula 7 Julai depan di mana mereka akan berkongsi idea dan perancangan mengenai isu semasa di rantau ini dengan pelajar dari enam negara lain.

Mereka ialah Alan Kwan Wai Ming dari Universiti Malaysia Sabah, R Rena Rajadorai dan Yom Nurul Akmar Abdul Lahsan (Universiti Putra Malaysia) dan Yanti Norafizza Mansor (Universiti Kebangsaan Malaysia).

Pengerusi panel pemilihan HYLI Malaysia, Datuk Abdul Rahman Mamat, berkata program itu mengumpulkan pelajar dari rantau ini dan mereka dicabar memberikan idea dan perancangan.-Bernama